

13 DEC 1996

LEAD Litar lumba

LITAR LUMBA FORMULA SATU MALAYSIA SIAP OKTOBER 1998

KUALA LUMPUR, 13 Dis (Bernama) -- Litar lumba kereta Formula Satu Malaysia, litar perlumbaan yang pertama di dunia yang dikelilingi rimba, akan siap menjelang Oktober 1998, kata pengarah urusan Malaysia Airports Berhad Datuk Khairuddin Ibrahim hari ini.

Beliau berkata litar sepanjang 5.6 km itu, bersama-sama kemudahan lain yang dibina di tapak seluas 900 hektar kira-kira 4.5 km dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang, dekat sini, akan menelan belanja antara RM200 juta hingga RM250 juta.

"Ia sudah pasti antara yang terbaik di dunia," katanya selepas menandatangani satu perjanjian perundingan, bagi pihak Malaysia Airports, dengan dua syarikat perunding, Iktisas Ingenieurs dari Malaysia dan Tilke Ingenieure Fur Umwelttechnik dari Jerman di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Ia disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pengerusi Malaysia Airports Tan Sri Bashir Ismail.

Khairuddin berkata litar lumba itu direkabentuk selepas Malaysia Airports dan perunding berkenaan meneliti lebih satu dozen litar lumba di seluruh dunia sebelum menghasilkan rekabentuk litar yang mengandungi ciri-ciri unik.

Pengerusi eksekutif Iktisas Azme Idris pula berkata balapan litar itu menelan belanja antara RM25 juta hingga RM30 juta dan adalah yang paling lebar di dunia iaitu sepanjang 16 meter.

Sebuah air pancut setinggi 150 meter iaitu 15 meter lebih tinggi daripada air pancut tertinggi di dunia pada masa kini akan dibina di situ.

Litar itu boleh menganjurkan dua acara serentak. Ia juga mempunyai balapan berasingan untuk perlumbaan pancuan empat roda dan rali, motocros dan go-kart.

Litar itu boleh menampung 130,000 penonton dengan 30,000 tempat letak kereta.

Dr Mahathir, ketika diminta mengulas mengenai rekabentuk litar lumba itu, berkata: "Saya baru melihat satu litar lumba tetapi saya berpendapat ini adalah yang terbaik di dunia."

Beliau berkata kerajaan tidak akan berbelanja walaupun satu sen dalam projek itu kerana ia akan dibiayai sepenuhnya oleh Malaysia Airports.

"Bagaimanapun kita boleh mengutip cukai daripada keuntungan mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata litar lumba itu juga akan mempunyai pusat akhbar terbesar di dunia yang boleh menampung 800 wartawan.

Sementara itu, Basir berkata Malaysia Airports telah mengatur 32 acara setiap tahun dan merancang membina kemudahan lain di situ seperti sebuah pusat perniagaan, kawasan rekreasi dan hotel. -- BERNAMA

AD AH AKD